

## **D.R. 42/2011**

# **RANG UNDANG-UNDANG PERHIMPUNAN AMAN 2011**

---

### **SUSUNAN FASAL**

---

#### **BAHAGIAN I**

##### **PERMULAAN**

*Fasal*

1. Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan ketidakpakaian
2. Matlamat
3. Tafsiran

#### **BAHAGIAN II**

##### **HAK UNTUK BERHIMPUN SECARA AMAN DAN TANPA SENJATA**

4. Hak untuk menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan
5. Hak orang yang mempunyai kepentingan

#### **BAHAGIAN III**

##### **TANGGUNGJAWAB PENGANJUR, PESERTA DAN POLIS**

6. Tanggungjawab penganjur
7. Tanggungjawab peserta
8. Tanggungjawab polis

#### **BAHAGIAN IV**

##### **KEHENDAK DALAM MENGANJURKAN PERHIMPUNAN**

9. Pemberitahuan perhimpunan
10. Kehendak berhubung dengan pemberitahuan perhimpunan
11. Persetujuan pemunya atau penghuni tempat perhimpunan

*Fasal*

12. Kehendak untuk memaklumkan orang yang mempunyai kepentingan
13. Perjumpaan dengan penganjur
14. Respons terhadap pemberitahuan
15. Sekatan-sekatan dan syarat-syarat
16. Rayuan terhadap sekatan-sekatan dan syarat-syarat
17. Perhimpunan serentak
18. Perhimpunan balas
19. Anggapan berkenaan dengan penganjur

## BAHAGIAN V

## PENGUATKUASAAN

20. Kuasa menangkap
21. Kuasa untuk menyuraikan perhimpunan

## BAHAGIAN VI

## PELBAGAI

22. Penyenggaraan daftar
23. Rakaman
24. Akses media
25. Tempat perhimpunan yang ditetapkan
26. Kuasa untuk meminda Jadual
27. Peraturan-peraturan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta yang berhubungan dengan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata, dan untuk memperuntukkan sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat yang berhubungan dengan hak itu demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain, dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan ketidakkpakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perhimpunan Aman 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Akta ini tidak terpakai bagi—

(a) suatu perhimpunan yang merupakan suatu kempen pilihan raya di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [*Akta 5*]; dan

- (b) suatu perhimpunan yang merupakan mogok, sekat masuk atau piket di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [*Akta 262*].

## **Matlamat**

### **2. Matlamat Akta ini adalah untuk memastikan—**

- (a) selagi wajar untuk berbuat demikian, bahawa semua warganegara mempunyai hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan, secara aman dan tanpa senjata; dan
- (b) bahawa penggunaan hak untuk menganjurkan perhimpunan atau untuk menyertai perhimpunan, secara aman dan tanpa senjata, adalah tertakluk hanya kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat dalam suatu masyarakat demokrasi demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain.

## **Tafsiran**

### **3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—**

“hak dan kebebasan orang lain” termasuklah—

- (a) hak untuk menikmati secara aman harta bendanya;
- (b) hak kepada kebebasan bergerak;
- (c) hak untuk menikmati persekitaran semula jadi; dan
- (d) hak untuk menjalankan perniagaan;

“jalan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*];

“kanak-kanak” ertinya seseorang yang berumur kurang daripada lima belas tahun;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal dalam negeri;

“orang yang mempunyai kepentingan” ertinya seseorang yang tinggal, bekerja atau menjalankan perniagaan atau memiliki atau mempunyai harta kediaman atau komersial di sekitar atau di tempat perhimpunan;

“penganjur” ertinya seseorang yang bertanggungjawab bagi penganjuran suatu perhimpunan, termasuk mengaturkan, mengadakan, mengumpulkan atau membentuk perhimpunan, atau yang bertanggungjawab bagi pengendalian perhimpunan;

“perhimpunan” ertinya suatu perhimpunan sesuatu bilangan orang yang disengajakan dan sementara di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak perhimpunan itu diadakan di suatu tempat tertentu atau bergerak;

“perhimpunan balas” ertinya suatu perhimpunan yang dianjurkan untuk menyampaikan pertentangan terhadap maksud yang baginya suatu perhimpunan lain dianjurkan, dan diadakan pada masa, tarikh dan di tempat yang sama atau lebih kurang sama dengan perhimpunan yang lain itu;

“perhimpunan serentak” ertinya dua perhimpunan atau lebih yang diadakan pada masa, tarikh dan di tempat yang sama, tetapi tidak mempunyai hubungan antara satu sama lain;

“peserta” ertinya seseorang yang dengan sengaja atau rela hadir bagi maksud suatu perhimpunan;

“protes jalanan” ertinya suatu perhimpunan terbuka yang bermula dengan suatu perjumpaan di tempat yang ditentukan dan melibatkan perarakan atau perhimpunan beramai-ramai bagi maksud membantah atau memajukan sesuatu tujuan atau tujuan-tujuan tertentu;

“senjata” ertinya apa-apa senjata api, amunisi, bahan letupan, bahan kikis, bahan yang merosakkan atau memudaratkan, kayu, batu, atau apa-apa senjata atau objek yang, oleh sebab sifatnya, boleh digunakan untuk menimbulkan ketakutan atau menyebabkan kecederaan kepada orang, atau kerosakan kepada harta;

“tempat awam” ertinya—

(a) jalan;

(b) tempat yang terbuka kepada atau yang digunakan oleh orang awam sebagai suatu hak; atau

- (c) tempat yang sedang terbuka kepada atau yang digunakan oleh orang awam, sama ada atau tidak—
- (i) tempat itu pada kebiasaannya terbuka kepada atau digunakan oleh orang awam;
  - (ii) dengan persetujuan nyata atau tersirat pemunya atau penghuni; atau
  - (iii) dengan bayaran wang;

“tempat larangan” ertinya—

- (a) kawasan larangan dan tempat larangan yang diisytiharkan di bawah Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 [*Akta 298*]; dan
- (b) tempat-tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

“tempat perhimpunan” ertinya tempat di mana perhimpunan diadakan dan berhubung dengan perarakan, termasuklah suatu tempat di mana atau yang melaluinya perhimpunan itu dicadangkan akan berhenti atau lalu;

“tempat perhimpunan yang ditetapkan” ertinya suatu tempat yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 25.

## BAHAGIAN II

### HAK UNTUK BERHIMPUN SECARA AMAN DAN TANPA SENJATA

#### **Hak untuk menganjurkan perhimpunan atau menyertai perhimpunan**

4. (1) Hak untuk menganjurkan suatu perhimpunan atau menyertai suatu perhimpunan secara aman dan tanpa senjata di bawah Akta ini tidak meluas kepada yang berikut:
- (a) seseorang bukan warganegara;
  - (b) perhimpunan yang diadakan di mana-mana tempat larangan dan dalam jarak lima puluh meter dari had tempat larangan;
  - (c) suatu protes jalanan;

- (d) berhubung dengan penganjuran suatu perhimpunan, seseorang yang di bawah umur dua puluh satu tahun; dan
- (e) berhubung dengan penyertaan dalam suatu perhimpunan selain perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, seseorang kanak-kanak.

(2) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika—

- (a) sebagai seorang bukan warganegara, dia menganjurkan atau menyertai suatu perhimpunan;
- (b) dia menganjurkan atau menyertai suatu perhimpunan yang diadakan di mana-mana tempat larangan dan dalam jarak lima puluh meter dari had tempat larangan;
- (c) dia menganjurkan atau menyertai suatu protes jalanan;
- (d) sebagai seorang yang di bawah umur dua puluh satu tahun, dia menganjurkan suatu perhimpunan;
- (e) sebagai seorang kanak-kanak, dia menyertai suatu perhimpunan selain suatu perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; atau
- (f) dia merekrut atau membawa kanak-kanak ke suatu perhimpunan atau membenarkan kanak-kanak untuk menghadiri suatu perhimpunan selain suatu perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan (2)(a), (b), (c), (d) atau (e) boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

(4) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah perenggan (2)(f) boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit

### **Hak orang yang mempunyai kepentingan**

**5.** Seseorang yang mempunyai kepentingan hendaklah mempunyai hak untuk dimaklumkan mengenai butir-butir suatu perhimpunan mengikut cara yang dinyatakan dalam seksyen 12 untuk membolehkannya membangkitkan kebimbangan atau bantahannya terhadap perhimpunan itu.

## BAHAGIAN III

## TANGGUNGJAWAB PENGANJUR, PESERTA DAN POLIS

**Tanggungjawab penganjur**

6. (1) Seseorang penganjur hendaklah memastikan bahawa sesuatu perhimpunan mematuhi Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), penganjur hendaklah—

- (a) memastikan bahawa penganjuran dan pengendalian perhimpunan tidak melanggar Akta ini atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (b) memastikan bahawa dia atau mana-mana orang lain yang berada di perhimpunan itu tidak melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau permusuhan di kalangan orang awam amnya atau membuat apa-apa yang akan mengganggu ketenangan orang awam;
- (c) memastikan bahawa dia atau mana-mana orang lain yang berada di perhimpunan itu tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (d) memastikan bahawa penganjuran dan pengendalian suatu perhimpunan adalah mengikut pemberitahuan perhimpunan yang diberikan di bawah subseksyen 9(1) dan apa-apa sekatan dan syarat yang boleh dikenakan di bawah seksyen 15;
- (e) melantik apa-apa bilangan orang yang difikirkannya perlu untuk bertanggungjawab bagi mengendalikan perhimpunan dengan teratur;
- (f) bekerjasama dengan pihak berkuasa awam;
- (g) memastikan bahawa perhimpunan itu tidak akan membahayakan kesihatan atau menyebabkan kerosakan kepada harta atau alam sekitar;



- (h) memastikan bahawa perhimpunan itu tidak akan menyebabkan apa-apa kesusahan yang signifikan kepada orang awam amnya;
- (i) memastikan pembersihan tempat perhimpunan atau menanggung kos pembersihan tempat perhimpunan; dan
- (j) dalam hal perhimpunan serentak atau perhimpunan balas, memastikan bahawa penganjuran perhimpunan itu tidak diniatkan untuk menghalang secara spesifik perhimpunan yang satu lagi daripada diadakan atau mengganggu penganjuran perhimpunan itu.

### **Tanggungjawab peserta**

7. Seseorang peserta hendaklah—

- (a) menahan diri daripada—
  - (i) menggendalakan atau menghalang mana-mana perhimpunan;
  - (ii) berkelakuan secara menyakitkan hati atau menggunakan kata kesat terhadap mana-mana orang;
  - (iii) melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau permusuhan di kalangan orang awam amnya atau membuat apa-apa yang akan mengganggu ketenangan orang awam;
  - (iv) melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di mana-mana perhimpunan; dan
  - (v) menyebabkan kerosakan kepada harta; dan
- (b) mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh polis, penganjur atau mana-mana orang yang dilantik oleh penganjur untuk bertanggungjawab bagi mengendalikan perhimpunan dengan teratur.

### **Tanggungjawab polis**

8. Seseorang pegawai polis boleh mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur mengikut Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

## BAHAGIAN IV

## KEHENDAK DALAM MENGANJURKAN PERHIMPUNAN

**Pemberitahuan perhimpunan**

9. (1) Seseorang penganjur hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari sebelum tarikh perhimpunan, memberitahu Pegawai yang Menjaga Daerah Polis di mana perhimpunan itu hendak diadakan.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi—

(a) suatu perhimpunan yang diadakan di suatu tempat perhimpunan yang ditetapkan; dan

(b) mana-mana perhimpunan lain yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(3) Jika perhimpunan itu ialah suatu perhimpunan keagamaan atau perarakan pengebumian, penganjur boleh memaklumkan Pegawai yang Menjaga Daerah Polis di mana perhimpunan atau perarakan itu hendak diadakan; dan boleh, jika bantuan diperlukan untuk menyenggarakan kawalan trafik atau orang ramai, meminta bantuan sedemikian.

(4) Pemberitahuan di bawah subseksyen (1) hendaklah diberikan kepada Pegawai yang Menjaga Daerah Polis di mana perhimpunan itu hendak diadakan secara pos berdaftar Akuan Terima atau kiriman cepat atau dengan serahan tangan.

(5) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Kehendak berhubung dengan pemberitahuan perhimpunan**

10. Pemberitahuan yang dibuat di bawah subseksyen 9(1) hendaklah—

(a) dalam borang dalam Jadual Keempat;

(b) ditandatangani oleh penganjur;

(c) disertai dengan suatu salinan persetujuan pemunya atau penghuni tempat perhimpunan, jika berkenaan;

- (d) disertai dengan apa-apa dokumen tambahan sebagaimana yang dinyatakan oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis, jika ada; dan
- (e) mengandungi butir-butir yang berikut:
  - (i) nama dan butir-butir penganjur;
  - (ii) alamat surat-menyurat penganjur;
  - (iii) nama dan alamat penceramah dalam perhimpunan, jika ada;
  - (iv) maksud perhimpunan;
  - (v) tarikh perhimpunan akan diadakan;
  - (vi) tempat perhimpunan akan diadakan;
  - (vii) masa perhimpunan dicadangkan untuk bermula dan berakhir;
  - (viii) jika perhimpunan ialah suatu perarakan—
    - (A) laluan yang dicadangkan bagi perarakan itu;
    - (B) mana-mana tempat di mana perarakan itu dicadangkan akan berhenti; dan
    - (C) jangka masa yang dicadangkan bagi perarakan itu akan berada di setiap tempat itu;
  - (ix) bilangan peserta yang dijangkakan;
  - (x) orang yang dilantik oleh penganjur untuk bertanggungjawab bagi mengendalikan perhimpunan dengan teratur; dan
  - (xi) perihal kelengkapan atau peranti amplifiler bunyi yang dicadangkan untuk digunakan semasa perhimpunan, jika ada.

### **Persetujuan pemunya atau penghuni tempat perhimpunan**

**11.** Penganjur suatu perhimpunan, selain suatu perhimpunan keagamaan atau perarakan pengebumian atau suatu perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan, hendaklah memperoleh persetujuan pemunya atau penghuni tempat perhimpunan untuk menggunakan tempat perhimpunan itu bagi maksud perhimpunan.

**Kehendak untuk memaklumkan orang yang mempunyai kepentingan**

**12.** (1) Apabila diterima pemberitahuan di bawah subseksyen 9(1), Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah, dalam tempoh empat puluh lapan jam, menyebabkan butir-butir mengenai perhimpunan itu dimaklumkan kepada orang yang mempunyai kepentingan—

- (a) dengan menampal suatu notis yang mudah dilihat di pelbagai lokasi di tempat perhimpunan itu; atau
- (b) dengan apa-apa cara yang munasabah yang sesuai atau perlu supaya maklumat itu boleh diketahui oleh orang itu.

(2) Orang yang mempunyai kepentingan boleh, secara bertulis, memaklumkan kebimbangan atau bantahannya terhadap perhimpunan itu berserta dengan sebabnya kepada Pegawai yang Menjaga Daerah Polis dalam tempoh lima hari setelah dimaklumkan tentang perhimpunan di bawah subseksyen (1).

(3) Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah mengambil kira kebimbangan atau bantahan yang diterima bagi maksud mengenakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat di bawah seksyen 15.

**Perjumpaan dengan penganjur**

**13.** Pegawai yang Menjaga Daerah Polis boleh pada bila-bila masa selepas menerima pemberitahuan di bawah subseksyen 9(1), jika hal keadaan mewajarkannya, memanggil penganjur untuk berjumpa bagi menasihati penganjur itu tentang perhimpunan itu.

**Respons terhadap pemberitahuan**

**14.** (1) Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah memberikan respons terhadap pemberitahuan di bawah subseksyen 9(1) dalam tempoh dua belas hari dari penerimaan pemberitahuan itu dan hendaklah, dalam respons itu, memaklumkan penganjur tentang sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 15, jika ada.

(2) Jika Pegawai yang Menjaga Daerah Polis tidak memberikan respons terhadap pemberitahuan itu mengikut subseksyen (1), perhimpunan itu hendaklah diteruskan sebagaimana yang dicadangkan dalam pemberitahuan itu.

### **Sekatan-sekatan dan syarat-syarat**

**15.** (1) Pegawai yang Menjaga Daerah Polis boleh mengenakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat ke atas suatu perhimpunan bagi maksud keselamatan atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain.

(2) Sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen ini boleh berhubung dengan—

- (a) tarikh, masa dan tempoh perhimpunan;
- (b) tempat perhimpunan;
- (c) cara perhimpunan;
- (d) kelakuan peserta semasa perhimpunan;
- (e) pembayaran kos pembersihan akibat daripada mengadakan perhimpunan;
- (f) apa-apa faktor alam sekitar, sensitiviti budaya atau agama dan kepentingan sejarah yang ada pada tempat perhimpunan;
- (g) kebimbangan dan bantahan orang yang mempunyai kepentingan; atau
- (h) apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis berhubung dengan perhimpunan itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi mana-mana sekatan dan syarat di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

**Rayuan terhadap sekatan-sekatan dan syarat-syarat**

**16.** (1) Mana-mana penganjur yang terkilang dengan penganjur sekatan-sekatan dan syarat-syarat di bawah seksyen 15 boleh, dalam tempoh empat hari selepas dimaklumkan mengenai sekatan-sekatan dan syarat-syarat itu, merayu kepada Menteri.

(2) Menteri hendaklah memberikan keputusannya dalam tempoh enam hari dari hari rayuan di bawah subseksyen (1) diterima olehnya.

**Perhimpunan serentak**

**17.** (1) Jika Pegawai yang Menjaga Daerah Polis menerima pemberitahuan bagi dua perhimpunan atau lebih yang hendak dianjurkan, dan perhimpunan itu dicadangkan untuk diadakan pada masa, tarikh dan di tempat yang sama, perhimpunan itu boleh, tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 15, diadakan serentak.

(2) Jika, pada pendapat Pegawai yang Menjaga Daerah Polis, perhimpunan yang disebut dalam subseksyen (1) tidak boleh diadakan serentak—

(a) Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah memberikan keutamaan kepada penganjur yang terlebih dahulu mengemukakan pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan di tempat perhimpunan yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu, melainkan jika tempat perhimpunan itu mengikut tradisi atau kontrak digunakan bagi perhimpunan yang satu lagi; atau

(b) dalam hal pemberitahuan perhimpunan yang diterima pada masa yang sama, Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah memberikan keutamaan kepada penganjur yang namanya dicabut dalam suatu cabutan yang diadakan oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis untuk mengadakan perhimpunan di tempat perhimpunan yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu.

### **Perhimpunan balas**

**18.** Jika Pegawai yang Menjaga Daerah Polis menerima suatu pemberitahuan bagi perhimpunan balas dan ternyata bahawa penganjuran perhimpunan balas itu akan menyebabkan pertelingkahan antara peserta-peserta perhimpunan, Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah memberikan alternatif untuk perhimpunan balas itu dianjurkan pada masa, tarikh atau di tempat yang lain.

### **Anggapan berkenaan dengan penganjur**

**19.** Jika—

- (a) suatu perhimpunan diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan;
- (b) suatu perhimpunan dinyatakan dalam Jadual Ketiga;
- (c) suatu pemberitahuan yang dikehendaki di bawah subseksyen 9(1) tidak diberikan; atau
- (d) suatu pemberitahuan yang dikehendaki di bawah subseksyen 9(1) telah diberikan tetapi identiti penganjur yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu adalah palsu,

mana-mana orang yang memulakan, mengetuai, menggalakkan, menaja, mengadakan atau menyelia perhimpunan itu, atau menjemput atau merekrut peserta atau penceramah bagi perhimpunan itu, hendaklah dianggap sebagai penganjur perhimpunan itu.

## **BAHAGIAN V**

### **PENGUATKUASAAN**

#### **Kuasa menangkap**

**20.** (1) Seseorang pegawai polis boleh, tanpa waran, menangkap mana-mana penganjur atau peserta—

- (a) yang, semasa perhimpunan, enggan atau tidak mematuhi mana-mana sekatan atau syarat di bawah seksyen 15;
- (b) yang, semasa perhimpunan, ada dalam milikannya apa-apa senjata; atau
- (c) yang merekrut atau membawa kanak-kanak ke suatu perhimpunan selain perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Pegawai polis itu hendaklah, sebelum menjalankan kuasa menangkap di bawah seksyen ini, mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan secara sukarela oleh penganjur atau peserta.

### **Kuasa untuk menyuraikan perhimpunan**

**21.** (1) Seseorang pegawai polis boleh mengeluarkan arahan untuk bersurai dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) perhimpunan itu diadakan di suatu tempat larangan atau dalam jarak lima puluh meter dari had suatu tempat larangan;
- (b) perhimpunan itu ialah atau telah menjadi suatu protes jalanan;
- (c) mana-mana orang di perhimpunan itu telah melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau permusuhan di kalangan orang awam amnya atau membuat apa-apa yang akan mengganggu ketenangan orang awam;
- (d) mana-mana orang di perhimpunan itu melakukan mana-mana kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (e) peserta perhimpunan telah tidak mematuhi atau tidak mematuhi sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah seksyen 15; atau
- (f) peserta perhimpunan terlibat dalam, atau akan terlibat dalam, perbuatan yang menyalahi undang-undang atau tidak senonoh atau keganasan terhadap orang atau harta.

(2) Pegawai polis itu, pada menjalankan kuasa untuk menyuraikan perhimpunan di bawah seksyen ini, boleh menggunakan segala kekerasan yang munasabah.

(3) Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit.



BAHAGIAN VI

PELBAGAI

**Penyenggaraan daftar**

**22.** (1) Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah menyenggara suatu daftar yang mengandungi rekod pemberitahuan yang diterima di bawah subseksyen 9(1), mengikut susunan kronologi.

(2) Daftar yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Menteri.

**Rakaman**

**23.** Seseorang pegawai polis boleh membuat apa-apa bentuk rakaman perhimpunan.

**Akses media**

**24.** Mana-mana wakil media boleh mempunyai akses yang munasabah kepada tempat perhimpunan dan menggunakan apa-apa kelengkapan untuk membuat laporan tentang perhimpunan itu.

**Tempat perhimpunan yang ditetapkan**

**25.** (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetapkan mana-mana tempat sebagai suatu tempat perhimpunan yang ditetapkan.

(2) Untuk mengelakkan keraguan, mana-mana orang yang menganjurkan atau menyertai perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan hendaklah mempunyai tanggungjawab yang sama sebagaimana seorang penganjur dan peserta di bawah seksyen 6 dan 7.

**Kuasa untuk meminda Jadual**

**26.** Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, meminda Jadual.

**Peraturan-peraturan**

**27.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi penjalanan yang lebih baik peruntukan Akta ini.

## JADUAL PERTAMA

[Seksyen 3]

## TEMPAT LARANGAN

Empangan, takungan dan kawasan tadahan air

Loji rawatan air

Stesen penjana elektrik

Stesen minyak

Hospital

Balai bomba

Lapangan terbang

Landasan keretapi

Terminal pengangkutan awam darat

Pelabuhan, terusan, limbungan, dermaga, jeti, jambatan dan marina

Tempat ibadat

Tadika dan sekolah

## JADUAL KEDUA

[Perenggan 4(1)(e)]

## PERHIMPUNAN YANG BOLEH DISERTAI OLEH KANAK-KANAK

Perhimpunan keagamaan

Perarakan pengebumian

Perhimpunan berhubung dengan adat

Perhimpunan yang diluluskan oleh Menteri

JADUAL KETIGA  
[Perenggan 9(2)(b)]

PERHIMPUNAN YANG BAGINYA PEMBERITAHUAN TIDAK DIKEHENDAKI

- Perhimpunan keagamaan
- Perarakan pengebumian
- Majlis perkahwinan
- Rumah terbuka semasa perayaan
- Pertemuan keluarga
- Hari keluarga yang diadakan oleh majikan bagi manfaat pekerjanya dan keluarga mereka
- Mesyuarat tahunan pertubuhan atau persatuan

JADUAL KEEMPAT  
[Seksyen 10]

BORANG

PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 9(1)

Kepada:

.....  
(nama dan alamat Pegawai yang Menjaga Daerah Polis)

.....  
.....  
.....

1. Nama dan No. Kad Pengenalan penganjur\* :.....  
.....
2. Alamat penganjur\* :.....  
.....
3. Alamat surat-menyurat penganjur (*jika berlainan daripada alamat di atas*):  
.....  
.....
4. Butir-butir hubungan penganjur\*:  
No. Tel.: .....  
No. Faks: .....  
E-mel: .....

5. Nama dan alamat penceramah dalam perhimpunan, jika ada:  
.....  
.....
6. Maksud perhimpunan:.....  
.....
7. Tarikh perhimpunan:.....
8. Tempat perhimpunan:.....
9. Masa perhimpunan akan bermula dan tamat:.....
10. Jika perhimpunan ialah suatu perarakan—
  - (a) laluan perarakan:.....
  - (b) mana-mana tempat di mana perarakan akan berhenti:  
.....
  - (c) tempoh masa perarakan akan berada di tiap-tiap tempat:  
.....
11. Bilangan peserta yang dijangkakan:  
.....
12. Orang yang dilantik oleh penganjur untuk bertanggungjawab bagi mengendalikan perhimpunan dengan teratur:  
.....  
.....
13. Perihal kelengkapan atau peranti amplifiaer bunyi yang akan digunakan semasa perhimpunan, jika ada:  
.....  
.....
14. Maklumat lain, jika perlu: .....  
.....  
.....

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam pemberitahuan ini adalah sah dan betul.

Tandatangan:

.....

Nama: .....

Tarikh: .....

**Catatan:**

\*Jika terdapat lebih daripada seorang penganjur, sila nyatakan nama, nombor kad pengenalan dan butir-butir hubungan semua penganjur sebagai lampiran.

---

HURAIAN

Akta Perhimpunan Aman 2011 yang dicadangkan (“Akta yang dicadangkan”) berhubung dengan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata, dan bertujuan untuk memperuntukkan sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat yang berhubung dengan hak itu demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain, dan untuk memperuntukkan perkara-perkara yang berkaitan. Akta yang dicadangkan ialah salah satu usaha yang dimulakan oleh Kerajaan untuk melakukan transformasi rangka perundangan yang sedia ada berhubung dengan hak-hak perlembagaan warganegara untuk berhimpun.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan permulaan kuat kuasa dan ketidakpakaian Akta yang dicadangkan. Tajuk ringkas menggambarkan skim Akta yang dicadangkan yang bertujuan untuk menegaskan hak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata.

*Fasal 2* mengandungi matlamat Akta yang dicadangkan. *Fasal* ini menjelaskan maksud keseluruhan Akta yang dicadangkan iaitu untuk membenarkan warganegara untuk menganjurkan perhimpunan dan menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata hanya tertakluk kepada sekatan-sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Ungkapan “hak dan kebebasan orang lain” merujuk kepada hak untuk menikmati secara aman harta bendanya, hak kepada kebebasan bergerak, hak untuk menikmati persekitaran semula jadi dan hak untuk menjalankan perniagaan.

*Fasal 3* mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan. Antara takrif yang diperuntukkan ialah “perhimpunan” yang termasuklah perhimpunan yang bergerak atau statik, “penganjur”, “peserta” dan “orang yang mempunyai kepentingan”.

## BAHAGIAN II

3. Bahagian II Akta yang dicadangkan memperkatakan hak untuk menganjurkan atau menyertai perhimpunan.

*Fasal 4* menjelaskan bahawa hak untuk menganjurkan atau menyertai perhimpunan secara aman dan tanpa senjata tidak meluas kepada seseorang bukan warganegara, suatu perhimpunan yang diadakan di mana-mana tempat larangan dan dalam jarak lima puluh meter dari had tempat larangan dan suatu protes jalanan. *Fasal* itu juga memperuntukkan bahawa seseorang di bawah umur dua puluh satu tahun tidak boleh menjadi penganjur dan bahawa seorang kanak-kanak di bawah umur lima belas tahun tidak boleh menyertai suatu perhimpunan selain suatu perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. Mana-mana orang yang melanggar *fasal* ini melakukan suatu kesalahan.

*Fasal 5* memperkatakan hak orang yang mempunyai kepentingan. Seseorang yang mempunyai kepentingan hendaklah mempunyai hak untuk dimaklumkan mengenai butir-butir suatu perhimpunan bagi membolehkannya untuk membangkitkan kebimbangan atau bantahannya terhadap perhimpunan itu.

## BAHAGIAN III

4. Bahagian III memperkatakan tanggungjawab penganjur, peserta dan polis.

*Fasal 6* menghuraikan tanggungjawab penganjur. Seseorang penganjur hendaklah memastikan bahawa perhimpunan mematuhi Akta yang dicadangkan dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain. Tanggungjawab itu termasuklah kewajipan untuk memastikan bahawa penganjuran dan pengendalian perhimpunan tidak melanggar Akta yang dicadangkan atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah Akta yang dicadangkan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, bahawa dia atau mana-mana orang lain tidak melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau permusuhan di kalangan orang awam amnya atau membuat apa-apa yang akan mengganggu ketenangan orang awam, bahawa dia atau mana-mana orang lain yang berada di perhimpunan itu tidak melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan bahawa perhimpunan itu mengikut pemberitahuan yang diberikan dan apa-apa sekatan dan syarat yang dikenakan, tidak akan membahayakan kesihatan atau menyebabkan kerosakan kepada harta dan alam sekitar dan tidak akan menyebabkan apa-apa kesusahan yang signifikan kepada orang awam amnya. Penganjur juga mempunyai tanggungjawab untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa awam, untuk membersihkan tempat perhimpunan atau menanggung kos pembersihan, dan dalam hal keadaan perhimpunan serentak

atau perhimpunan balas, untuk memastikan bahawa penganjuran perhimpunan itu tidak diniatkan untuk menghalang secara spesifik perhimpunan yang satu lagi daripada diadakan atau mengganggu penganjuran perhimpunan itu.

*Fasal 7* menghuraikan tanggungjawab peserta suatu perhimpunan. Seseorang peserta hendaklah menahan diri daripada menggendalakan atau menghalang mana-mana perhimpunan, daripada berkelakuan secara menyakitkan hati atau menggunakan kata kesat terhadap mana-mana orang atau menyebabkan kerosakan kepada harta, melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan yang berkecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, perasaan tidak puas hati atau permusuhan di kalangan orang awam amnya atau membuat apa-apa yang akan mengganggu ketenangan orang awam, melakukan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan menyebabkan kerosakan kepada harta. Seseorang peserta hendaklah mematuhi arahan yang diberikan oleh polis, penganjur atau mana-mana orang yang dilantik oleh penganjur untuk bertanggungjawab bagi mengendalikan perhimpunan dengan teratur.

*Fasal 8* menghuraikan tanggungjawab polis. Seseorang pegawai polis boleh mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur mengikut Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

#### BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV memperkatakan kehendak dalam menganjurkan perhimpunan.

*Fasal 9* menghendaki penganjur untuk memberi suatu pemberitahuan perhimpunan kepada Pegawai yang Menjaga Daerah Polis di mana perhimpunan itu hendak diadakan. Seseorang penganjur mesti memberikan Pegawai yang Menjaga Daerah Polis suatu pemberitahuan dalam tempoh tiga puluh hari sebelum tarikh perhimpunan. Kehendak bagi pemberitahuan tidak terpakai bagi suatu perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan dan mana-mana perhimpunan lain yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Di bawah *fasal* ini, seorang penganjur suatu perhimpunan keagamaan atau perarakan pengebumian boleh memaklumkan Pegawai yang Menjaga Daerah Polis di mana perhimpunan atau perarakan itu hendak diadakan dan boleh, jika bantuan diperlukan untuk menyenggarakan kawalan trafik atau orang ramai, meminta bantuan sedemikian.

*Fasal 10* menghuraikan kehendak berhubung pemberitahuan perhimpunan, termasuk butir-butir yang kena diberikan mengenai perhimpunan yang dimaksudkan.

*Fasal 11* menghendaki penganjur suatu perhimpunan, selain suatu perhimpunan keagamaan atau perarakan pengebumian atau suatu perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan, memperoleh persetujuan pemunya atau penghuni tempat perhimpunan untuk menggunakan tempat perhimpunan itu bagi maksud perhimpunan itu.

*Fasal 12* menghuraikan kewajipan Pegawai yang Menjaga Daerah Polis apabila menerima suatu pemberitahuan perhimpunan. Pegawai yang Menjaga Daerah Polis dikehendaki untuk memaklumkan orang yang mempunyai kepentingan dalam tempoh empat puluh lapan jam dengan menyebabkan butir-butir mengenai perhimpunan ditampal dengan mudah dilihat di pelbagai lokasi di tempat perhimpunan atau menggunakan apa-apa cara yang munasabah yang sesuai atau perlu supaya maklumat itu boleh diketahui oleh orang itu. Orang yang mempunyai kepentingan boleh, secara bertulis, memaklumkan kebimbangan atau bantahannya terhadap perhimpunan itu dalam tempoh lima hari setelah dimaklumkan. Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah mengambil kira kebimbangan atau bantahan yang diterima bagi maksud mengenakan sekatan-sekatan dan syarat-syarat di bawah *fasal 15*.

*Fasal 13* memberi Pegawai yang Menjaga Daerah Polis kuasa, pada bila-bila masa selepas menerima pemberitahuan itu, untuk memanggil penganjur untuk berjumpa bagi menasihati penganjur itu tentang perhimpunan itu jika hal keadaannya mewajarkannya.

*Fasal 14* menghendaki Pegawai yang Menjaga Daerah Polis untuk memberikan respons terhadap suatu pemberitahuan perhimpunan dalam masa dua belas hari dari penerimaan pemberitahuan itu. Respons itu mestilah termasuk apa-apa sekatan dan syarat yang akan dikenakan, jika ada. Jika Pegawai yang Menjaga Daerah Polis tidak memberikan respons kepada pemberitahuan itu mengikut *fasal* ini, perhimpunan itu hendaklah diteruskan sebagaimana yang dicadangkan dalam pemberitahuan itu.

*Fasal 15* menghuraikan sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang boleh dikenakan oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis bagi maksud keselamatan atau ketenteraman awam, termasuk perlindungan hak dan kebebasan orang lain. Sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah *fasal* ini boleh, antara lain, berhubung dengan tarikh, masa dan tempoh perhimpunan, tempat perhimpunan, cara perhimpunan, kelakuan peserta semasa perhimpunan, pembayaran kos pembersihan akibat daripada mengadakan perhimpunan, kebimbangan dan bantahan orang yang mempunyai kepentingan atau apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Pegawai yang Menjaga Daerah Polis berhubung dengan perhimpunan itu. Mana-mana orang yang melanggar sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan melakukan suatu kesalahan.

*Fasal 16* memperuntukkan hak untuk merayu terhadap sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan. Penganjur yang terkilang dengan penganjaan sekatan-sekatan dan syarat-syarat boleh, dalam tempoh empat hari selepas dimaklumkan mengenai sekatan-sekatan dan syarat-syarat itu, merayu kepada Menteri yang hendaklah memberikan keputusannya dalam masa enam hari dari hari rayuan diterima olehnya.

*Fasal 17* memperkatakan perhimpunan serentak. Jika Pegawai yang Menjaga Daerah Polis menerima pemberitahuan bagi dua perhimpunan atau lebih yang hendak dianjurkan, dan perhimpunan itu dicadangkan untuk diadakan pada masa, tarikh dan di tempat yang sama, perhimpunan itu boleh, tertakluk kepada sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah *fasal 15*, diadakan serentak. Jika, pada pendapat Pegawai yang Menjaga Daerah Polis,



perhimpunan yang itu tidak boleh diadakan serentak, penganjur yang terlebih dahulu mengemukakan pemberitahuan untuk mengadakan perhimpunan di tempat perhimpunan itu hendaklah diberikan keutamaan, melainkan jika tempat perhimpunan itu mengikut tradisi atau kontrak digunakan bagi perhimpunan yang satu lagi. Dalam hal pemberitahuan perhimpunan yang diterima pada masa yang sama, Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah memberikan keutamaan kepada penganjur yang namanya dicabut dalam suatu cabutan.

*Fasal 18* memperkatakan perhimpunan balas. Jika Pegawai yang Menjaga Daerah Polis menerima suatu pemberitahuan bagi perhimpunan balas dan ternyata bahawa penganjuran perhimpunan balas itu akan menyebabkan pertelingkahan antara peserta-peserta perhimpunan, Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah memberikan alternatif untuk perhimpunan balas itu dianjurkan pada masa, tarikh atau di tempat yang lain.

*Fasal 19* memperuntukkan suatu anggapan tentang penganjur suatu perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan, perhimpunan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, perhimpunan yang tiada pemberitahuan diberikan sebagaimana yang dikehendaki, atau perhimpunan yang identiti penganjur yang dinyatakan dalam pemberitahuan yang dikehendaki adalah palsu. Mana-mana orang yang memulakan, mengetuai, menggalakkan, menaja, mengadakan atau mengawal selia perhimpunan itu, atau menjemput atau merekrut peserta atau penceramah bagi perhimpunan itu, hendaklah dianggap sebagai penganjur perhimpunan itu.

## BAHAGIAN V

6. Bahagian V memperkatakan peruntukan penguatkuasaan.

*Fasal 20* memberi seseorang pegawai polis kuasa untuk menangkap, tanpa waran, mana-mana penganjur atau peserta yang enggan atau tidak mematuhi mana-mana sekatan atau syarat di bawah *fasal 15*, mana-mana penganjur atau peserta yang ada dalam milikannya apa-apa senjata, atau mana-mana penganjur atau peserta yang merekrut atau membawa mana-mana kanak-kanak, semasa perhimpunan. Kuasa ini hendaklah dijalankan hanya selepas pegawai polis itu mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan secara sukarela oleh penganjur atau peserta.

*Fasal 21* memberi seseorang pegawai polis kuasa untuk mengeluarkan suatu arahan untuk bersurai jika perhimpunan itu diadakan di suatu tempat larangan atau dalam jarak lima puluh meter dari had suatu tempat larangan, perhimpunan itu ialah atau telah menjadi suatu protes jalanan, peserta perhimpunan telah tidak mematuhi atau tidak mematuhi sekatan-sekatan dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah *fasal 15* atau jika peserta terlibat dalam, atau akan terlibat dalam, perbuatan yang menyalahi undang-undang atau tidak senonoh atau keganasan terhadap orang atau harta. Pegawai polis itu, pada menjalankan kuasa untuk menyuraikan perhimpunan di bawah *fasal* ini, diberi kuasa untuk menggunakan segala kekerasan yang munasabah. Mana-mana orang yang tidak mematuhi arahan pegawai polis itu melakukan suatu kesalahan.

## BAHAGIAN VI

## 7. Bahagian VI memperkatakan perkara pelbagai.

Di bawah *fasal 22*, Pegawai yang Menjaga Daerah Polis hendaklah menyenggara suatu daftar yang mengandungi rekod pemberitahuan yang diterima di bawah *subfasal 9(1)*, mengikut susunan kronologi.

*Fasal 23* membenarkan seseorang pegawai polis untuk membuat apa-apa bentuk rakaman perhimpunan.

*Fasal 24* membenarkan mana-mana wakil media untuk mempunyai akses yang munasabah kepada tempat perhimpunan dan menggunakan apa-apa kelengkapan untuk membuat laporan tentang perhimpunan itu.

*Fasal 25* memberi Menteri kuasa untuk menetapkan mana-mana tempat sebagai tempat perhimpunan melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Peruntukan itu juga bertujuan untuk menjelaskan bahawa penganjur dan peserta suatu perhimpunan yang diadakan di tempat perhimpunan yang ditetapkan hendaklah mempunyai tanggungjawab yang sama sebagaimana seorang penganjur dan peserta di bawah *fasal 6* dan *7*.

*Fasal 26* memberi Menteri kuasa untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

*Fasal 27* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan bagi perjalanan yang lebih baik peruntukan Akta yang dicadangkan.

## JADUAL

Jadual Pertama menghuraikan senarai tempat larangan.

Jadual Kedua menghuraikan perhimpunan yang boleh disertai kanak-kanak.

Jadual Ketiga menghuraikan perhimpunan yang baginya pemberitahuan tidak dikehendaki.

Jadual Keempat menghuraikan borang pemberitahuan yang hendak digunakan oleh seseorang penganjur.

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2831]